

Mahkamah Khas boleh tentukan raja

B.H 20 MAR 1993

Oleh Mokhtar Alias dan Nasir Hassan

KOTA BHARU, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kes pewaris takhta Kesultanan Kelantan yang dipertikaikan, mungkin dirujuk ke Mahkamah Khas jika kerajaan negeri tidak dapat menyelesaikannya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berharap perkara itu perlu diselesaikan oleh kerajaan negeri dan jika ia tidak dapat berbuat demikian, Kerajaan Persekutuan akan mengambil tindakan yang dibenarkan oleh undang-undang.

“Kerajaan Pusat bersedia menyelesaikan kes pewaris takhta Sultan Kelantan, sekiranya Kerajaan Kelantan gagal

Datuk Ibrahim Petra.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, beliau mahu masalah itu diselesaikan oleh kerajaan negeri.

“Jika boleh diselesaikan di peringkat negeri, maka eloklah diselesaikan di peringkat negeri.

“Setakat yang saya tahu ada keraguan mengenai kesahihan kedudukan raja yang ada sekarang, jadi kita berpendapat perkara ini hendaklah diselesaikan oleh kerajaan negeri tetapi kalau ia tidak diselesaikan, maka Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan yang dibolehkan oleh undang-undang,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat masih

berbuat demikian.

"Kes seumpama itu boleh dirujuk kepada Mahkamah Khas yang ditubuhkan atas permintaan raja-raja Melayu.

"Kita bersetuju mengadakan Mahkamah Khas bagi raja-raja dan kalau ada kes yang dibawa oleh mana-mana pihak terhadap raja, maka ada mahkamah didirikan oleh Kerajaan Pusat," katanya di sidang akhbar selepas mengadakan mesyuarat tertutup dengan ahli jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Kelantan di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata, Mahkamah Khas mempunyai kuasa terhadap sebarang kes membabitkan raja dengan undang-undang.

"Kalau mengikut proses, Peguam Negara akan menimbang sama ada wujud kes atau tidak sebelum dibawa (ke Mahkamah Khas). Kalau ada kes mungkin boleh dibawa," katanya.

Beliau turut memberi pandangannya mengenai isu berkenaan dalam mesyuarat itu.

Kontroversi pewaris takhta Sultan Kelantan ditimbulkan ketika Persidangan Khas Dewan Rakyat berhubung Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993, pada 8 hingga 9 Mac lalu.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Shahidan Kassim, berkata orang yang layak menduduki takhta Sultan Kelantan ialah Tengku

menganggap isu kesahihan pewaris takhta Sultan Kelantan adalah masalah di peringkat kerajaan negeri.

Berhubung Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993, Dr Mahathir berkata, mengikut proses, ia akan menjadi undang-undang dalam tempoh 30 hari.

Beliau tidak pasti sama ada Yang di-Pertuan Agong sudah menandatangani atau sebaliknya.

"Kita percaya Yang di-Pertuan Agong akan menururkan tanda tangan kerana beliau sendiri yang merujuk cadangan pindaan itu kepada Dewan Rakyat," katanya.

Sementara itu, di majlis berbuka puasa di rumah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Annuar Musa, di Bachok, Dr Mahathir berkata, sikap Pas yang berdolak-dalik dalam isu pindaan Perlembagaan menunjukkan parti itu menggunakan agama bagi kepentingan politik.

Menurutnya, demi kepentingan politik, Pas sanggup membelakangkan agama.

"Baru-baru ini, pemimpin Pas dengan keras berkata dalam Islam tidak ada kekebalan, tetapi kemudian kerana kepentingan politik, takut tidak dapat sokongan raja, mereka tidak menyokong hukum Islam yang menyentuh kekebalan.

"Mereka memberi alasan tidak setuju dalam meluluskan pindaan

LIHAT MUKA 2

Ada pihak selewengkan agama

B.H. 20 MAR 1993

DARI MUKA 1

menghapuskan kekebalan raja. Ini menunjukkan mereka memilih politik, bukan agama," katanya.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir amat sedih apabila ada orang Islam menggunakan agama untuk kepentingan diri, kerana jika agama digunakan untuk kepentingan diri, ia akan diselewengkan.

"Apabila kita kaitkan

agama dengan kepentingan diri ia akan diselewengkan," katanya.

Kira-kira 4,000 tetamu hadir di majlis itu, termasuk Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Perdana Menteri berkata, di zaman Nabi ada satu agama saja, tetapi selepas itu ada dua kumpulan iaitu kumpulan ahli Sunnah wal-Jamaah.

Beliau juga menarik perhatian bahawa perpecahan di kalangan umat

Islam di dunia ini adalah disebabkan oleh mereka sendiri yang berebut kuasa antara mereka.

"Kita tidak asingkan agama dengan politik, tetapi kita asingkan parti dengan agama. Itu yang kita buat. Mereka berminat untuk menghayati agama tetapi untuk kepentingan politik.

"Sebab itu ada imam yang diberi notis kerana tidak membaca khutbah yang menyentuh imuniti

raja.

"Mereka mengecam sistem demokrasi, tetapi sanggup bertanding dalam sistem demokrasi itu. Sebab itu kita tak boleh percaya orang yang menggunakan agama untuk kepentingan politik," katanya.

Menurut Dr Mahathir, rakyat negara ini harus bersyukur kerana negara ini aman kerana berada di bawah pemerintahan Umno.